



**MINIT MESYUARAT KALI KE-65 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI KHAMIS 15 APRIL 2021, JAM 2.30 PETANG
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANCELORI (CCR),
ARAS 6, BANGUNAN CANCELORI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA & WEBEX LIVE**

Kehadiran : Pengerusi

YBrs. Profesor Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Profesor Dr. Shaiful Bahari bin Ismail
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan bin Ahmad Farouk (Presiden)
Profesor Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah
Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari
Profesor Madya Dr. Mohamad Rashidi Bin Mohd Pakri
Dr. Lee Hooi Ling
Dr. Mohd Zahri bin Abdul Aziz
Puan Ida Haryati binti Ibrahim Bey

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain (Presiden)
Encik Mohd Zulkifly bin Ibrahim
Encik Azham bin Murat
Puan Azliza Binti Ahmad
Encik Mohd Shukur bin Abidin
Puan Hasnah binti Hassan
Encik Nik Fakrudin bin Nik Ali

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

Puan Zanita binti Zakaria
Timbalan Bendahari Kanan
Jabatan Bendahari

Tidak Hadir: YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah
Bendahari

Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

MINIT 1 Aluan Pengerusi

1.1 Aluan kedatangan, ucapan tahniah dan ucapan terima kasih kepada ahli.

Pengerusi mengalu-alukan kedatangan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir secara fizikal dan melalui platform dalam talian ke Mesyuarat kali ke-65 Majlis Bersama Jabatan.

Pengerusi memperkenalkan ahli mesyuarat baharu bagi Wakil Majikan ke MBJ dan mengucapkan tahniah di atas pelantikan YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan YBrs. Profesor Madya Dr. Shaiful Bahari bin Ismail, Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan.

Pengerusi mengucapkan tahniah di atas pelantikan baharu Ahli Jawatankuasa PKAPUSM dan Ahli Jawatankuasa KKAUSM yang telah dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan masing-masing pada 18 Mac 2021 dan 10 Mac 2021.

Pengerusi memberi ucapan aluan kepada ahli mesyuarat baharu PKAPUSM dan KKAUSM yang telah dilantik mengikut perlembagaan MBJ yang baharu sebagai ahli mesyuarat Majlis Bersama Jabatan USM. Ahli baharu yang pertama kali terlibat dalam MBJ ialah:

- i) Wakil Pekerja (Persatuan Kakitangan Akademik & Pentadbiran)
 - ❖ YBrs. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan bin Ahmad Farouk
 - ❖ Dr. Mohd Zahri bin Abdul Aziz
 - ❖ Puan Ida Haryati binti Ibrahim Bey
- ii) Wakil Pekerja (Kesatuan Kakitangan Am)
 - ❖ Encik Mohd Shukur bin Abidin
 - ❖ Puan Hasnah binti Hassan
 - ❖ Encik Nik Fakurudin bin Nik Ali

Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah, mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBrs. Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim, mantan Presiden Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM, dan Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim, mantan Presiden Kesatuan Kakitangan Am USM.

1.2 Pemakluman Berkenaan Mod Mesyuarat MBJ Bagi Tahun 2021

Pengerusi mengucapkan ucapan terima kasih di atas inisiatif Pendaftar mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama PKAPUSM pada 8 April 2021. Inisiatif ini akan diteruskan bagi menyelesaikan isu-isu operasi dengan lebih cepat dan berkesan.

Pengerusi memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa ini merupakan mesyuarat MBJ yang pertama bagi tahun 2021. Memaklumkan mesyuarat diadakan secara *hybrid* dengan jumlah kehadiran bersemuka yang terhad dan memaksimumkan penggunaan ICT secara dalam talian.

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-64 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Selasa, 22 Disember 2020, jam 2.30 petang bertempat di Bilik Persidangan Canselori (CCR), Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia dan Webex Live.

MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-64

3.1 [Minit 3.1] Cadangan Insurans Personal Accident (PA)

Wakil dari Jabatan Bendahari memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak Jabatan Bendahari telah menyediakan draf spesifikasi perolehan perkhidmatan insurans *personal accident* hasil perbincangan bersama pihak Bahagian Sumber Manusia dan KKAUSM. Draf spesifikasi tersebut sedang dalam proses semakan dan kelulusan untuk proses tender. Selain itu, sebagai makluman, terma dan rujukan (TOR) juga telah dibincangkan dan telah diluluskan di pihak JTK untuk memudahkan pelaksanaan perkara ini.

Pihak Jabatan Bendahari memaklumkan bahawa iklan tender dan *award* dijadualkan akan selesai pada bulan Ogos 2021 dan pelaksanaannya dijangka pada awal tahun 2022.

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Insurans PA ini adalah sebagai salah satu perlindungan tambahan kepada staf Universiti yang telah mencarum dalam Tabung Kebajikan Staf.

Pengerusi memohon supaya garis masa ini dipatuhi dan diteliti sekiranya dapat dipercepatkan proses agar pelaksanaannya dapat disegerakan demi kepentingan dan kebajikan staf. Pengerusi turut mencadangkan agar bermula bulan Ogos 2021 sehingga Disember 2021, pihak universiti melalui Jabatan Bendahari hendaklah menjalankan inisiatif untuk menjelaskan perkara ini kepada staf serta mengadakan sesi-sesi *engagement* bersama staf/kesatuan bagi tujuan menyampaikan kesedaran terhadap kepentingan insurans ini.

[Tindakan: Jabatan Bendahari]

MINIT 4

Perkara Daripada Pihak Majikan

4.1 Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2020

Mesyuarat dipohon untuk memberi perhatian berkenaan kelulusan pemakaian **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2020** berkaitan Dasar Hubungan Majikan-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam - Majlis Bersama Jabatan yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

Setiausaha memaklumkan Mesyuarat bahawa pekeling ini antara lain adalah untuk memperkemas dan menambahbaik dasar sedia ada. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dilihat berbeza dengan Perlembagaan MBJ-USM yang memerlukan perhatian mesyuarat iaitu;

- i. *Bilangan mesyuarat MBJ dikurangkan daripada empat (4) kepada tiga (3) kali setahun bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan MBJ dan memberi ruang kepada Pihak Pegawai/Majikan menyelesaikan isu. Namun dalam keadaan tertentu, jabatan boleh melaksanakan mesyuarat MBJ lebih daripada tiga (3) kali setahun, tertakluk kepada keperluan dan keputusan Pengerusi MBJ jabatan.*

Presiden PKAPUSM mencadangkan agar bilangan mesyuarat MBJ kekal diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun bagi tujuan mewujudkan hubungan yang lebih mantap antara pihak majikan dan pihak pekerja khususnya dalam memastikan kelancaran urusan pentadbiran, pengurusan sumber manusia, hal ehwal kewangan dan sebagainya.

- ii. *Tafsiran ‘Pihak Pekerja’ bermaksud wakil pekerja-pekerja di jabatan terbabit, Gred 48 dan ke bawah, tidak terlibat dalam membuat keputusan, bukan merupakan Ketua Bahagian/Unit dan dipilih oleh pekerja-pekerja itu sendiri.*

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa tafsiran ini tidak dijelaskan secara terperinci di dalam perlembagaan MBJ USM sedia ada yang telah diluluskan sebelum ini.

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan mesyuarat MBJ empat (4) kali setahun dan tarikh baharu pelaksanaan mesyuarat MBJ seterusnya akan dimaklumkan oleh pihak Setiausaha setelah mendapat persetujuan tarikh dari Pengerusi.

Mengenai tafsiran “pihak pekerja”, mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan Perlembagaan MBJ USM tanpa membuat sebarang pindaan dan tidak menghadkan keahlian Pihak Pekerja kepada gred-gred tertentu.

Pihak urusetia dikehendaki untuk memaklumkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mendapatkan maklumbalas.

[Tindakan: Urusetia MBJ]

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

5.1.1 Penahanan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, pihak PKAPUSM telah menerima laporan daripada ahli yang memaklumkan terdapat staf akademik yang dikenakan tindakan penahanan kenaikan gaji tahunan disebabkan oleh tiada penerbitan dalam jurnal berindeks seperti SCOPUS walaupun telah melaksanakan semua kerja berkaitan dengan tugas akademik dan bukan akademik. Oleh yang demikian, pihak PKAPUSM memohon penjelasan berkaitan perkara ini bagi memastikan kebajikan staf akademik terpelihara.

Pengerusi menjelaskan bahawa tiada sebarang tindakan penahanan kenaikan gaji dilakukan kepada mana-mana staf akademik atas sebab tiada penerbitan atau sebagainya. Penahanan pergerakan gaji hanya boleh dilakukan berdasarkan kepada markah laporan penilaian prestasi tahunan yang rendah sahaja. Namun, mesyuarat dimaklumkan bahawa keputusan untuk menahan gaji melalui markah penilaian prestasi ini tidak mudah dan ianya dijalankan dengan penuh teliti melalui proses sedia ada yang amat baik.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, pihak universiti telah mengambil tindakan susulan hanya dalam bentuk semakan dan pemantauan bagi memastikan prestasi staf akademik berada pada tahap yang sepatutnya. Sebarang tindakan susulan yang berkaitan dengan prestasi rendah staf akademik hanya akan dilaksanakan setelah meneliti secara terperinci perkara tersebut bersama ketua jabatan.

Pengerusi juga memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak universiti sangat bersifat terbuka (*transparent*) terhadap apa sahaja tindakan yang hendak dilaksanakan berkaitan dengan prestasi rendah staf. Pengerusi turut menjemput wakil PKAPUSM untuk sama-sama meneliti dokumen yang mengandungi maklumat yang diperolehi secara terperinci berkenaan staf yang benar-benar mempunyai tahap prestasi rendah.

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Pengerusi untuk bersama-sama dengan pihak kesatuan mengadakan sesi penerangan kepada ahli PKAPUSM dan staf akademik yang lain dalam format *townhall* atau sebarang format lain yang bersesuaian.

[Tindakan: PKAPUSM]

5.1.2 Penjelasan berkaitan Pelaksanaan Pelantikan Pensyarah Baharu Secara Kontrak

Pihak PKAPUSM ingin memohon penjelasan berhubung keputusan universiti untuk melantik pensyarah baharu secara kontrak untuk tempoh 7 tahun.

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa keputusan universiti untuk melaksanakan kaedah pelantikan pensyarah baharu secara kontrak bagi tempoh tujuh (7) tahun adalah berkait rapat dengan keadaan kestabilan ekonomi dan juga kedudukan kewangan Universiti semasa yang tidak menentu.

Pengerusi turut mengambil perhatian mesyuarat bahawa pengurusan bakat khususnya dalam hal pengambilan bakat-bakat baharu akademik

perlu diberi perhatian dan diteliti sewajarnya agar ianya dapat memenuhi keperluan kritikal yang sebenar.

Pihak universiti telah mendapati bahawa proses pengambilan staf akademik yang dilaksanakan sebelum ini di peringkat pusat pengajian memberi tumpuan hanya berdasarkan kepada bilangan kekosongan tetapi tidak dibuat berdasarkan kepada perancangan keperluan bidang-bidang yang sepatutnya seperti mana sasaran serta KPI PTJ masing-masing.

Sehubungan itu, inisiatif untuk melantik staf akademik secara kontrak adalah sebagai mengimbangi semula keperluan bakat akademik yang benar-benar memenuhi keperluan kritikal pengajaran dan pendidikan mengikut bidang di pusat-pusat pengajian sahaja memandangkan dasar universiti buat masa ini adalah untuk membekukan pelantikan sehingga tahun 2025.

Namun begitu, mesyuarat turut mengambil perhatian bahawa, sekiranya keadaan ekonomi kembali pulih, pihak universiti akan meneliti semula kaedah pelantikan ini bagi tujuan kebajikan dari semasa ke semasa.

Universiti turut mengambil perhatian terhadap kebajikan staf akademik yang dilantik secara kontrak melalui Bahagian Sumber Manusia.

[Untuk Makluman]

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

- Tiada perkara daripada pihak KKAUSM

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.1 Laman Web Rasmi MBJ USM

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, pihak urusetia telah membangunkan laman web rasmi MBJ USM bagi tujuan penyaluran dan perkongsian maklumat berkaitan mesyuarat seperti keahlian, perlembagaan dan minit-minit mesyuarat. Alamat capaian laman web tersebut adalah;

<http://mbj.usm.my>

Pengerusi mengucapkan tahniah atas inisiatif urusetia dalam membangunkan laman web rasmi MBJ USM sebagai salah satu saluran penyebaran maklumat mesyuarat selaras dengan kepentingan media teknologi pada masa kini.

[Untuk Makluman]

6.2 Akta 774 – Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016

Pihak KKAUSM mengambil perhatian universiti mengenai Akta 774 iaitu Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 yang dibuat oleh Parlimen Malaysia yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia, untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran orang yang menjalankan aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu, untuk mengawal selia amalan Profesion Kesihatan Bersekutu, dan bagi perkara-perkara berkaitan.

Melalui akta ini pihak KKAUSM mengambil perhatian universiti bahawa terdapatnya implikasi kewangan apabila akta ini diterima pakai kelak.

Pengerusi mengambil perhatian tentang akta ini dan memaklumkan bahawa pihak universiti akan sentiasa menyokong dan memastikan sebarang akta atau pekeliling perkhidmatan yang memberi kebaikan kepada staf akan diambil perhatian untuk digunapakai sepenuhnya.

[Untuk Makluman]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.50 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan Oleh:

**(MOHD ZULKARNAIN BIN
MOHAMAD TAJULARIFFIN)**
Setiausaha Bersama MBJ

Disediakan Oleh:

(NOR AMIN BIN AHMAD)
Setiausaha Bersama MBJ
Wakil Pekerja